



PROFIL KORPORAT
CORPORATE PROFILE

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan dana simpanan persaraan terulung di Malaysia yang menyediakan jaminan asas kewangan untuk persaraan. Ditubuhkan pada 1951, Kumpulan Wang ini adalah salah satu daripada tabung simpanan persaraan yang tertua dan antara yang terbesar di dunia, dengan aset pelaburan berjumlah RM586.66 bilion pada penghujung 2013. Jumlah ahlinya semakin meningkat setiap tahun dan kini KWSP mempunyai seramai 13.92 juta ahli, di mana 6.53 juta adalah ahli aktif.

The Employees Provident Fund (EPF) is Malaysia's premier retirement savings fund providing basic financial security for retirement. Established in 1951, the Fund is one of the world's oldest and among the largest with total investment assets of RM586.66 billion as at end 2013. Membership of the Fund grows by the year and today stands at 13.92 million, of whom 6.53 million are active members

Di bawah skim simpanan mandatori KWSP, setiap pekerja dan majikan dikehendaki mencarum peratusan tertentu daripada gaji pekerja mereka. Fungsi utama adalah untuk melindungi dan menambah nilai simpanan tersebut, lantas menegakkan Tonggak 2 daripada sistem lima tonggak yang disarankan oleh Bank Dunia untuk diguna pakai oleh semua negara bagi melaksanakan sistem pencen yang lengkap. Tonggak 2 (atau simpanan persaraan mandatori) disokong oleh Tonggak 0 – sistem kebajikan negara, Tonggak 1 – skim pencen negara, Tonggak 3 – pelan pencen peribadi sukarela dan Tonggak 4 – sokongan informal daripada keluarga dan rangkaian sosial.

Under its mandatory savings scheme, all employees and employers are required to contribute a percentage of the employees salary to the EPF. The primary function of the Fund is to preserve and grow these savings, satisfying Pillar 2 of a five-pillar system advocated by the World Bank for all nations to adopt to ensure an adequate pension system. Pillar 2 (or mandatory retirement savings) is supported by Pillar 0 – a country's welfare system, Pillar 1 – a state pension scheme, Pillar 3 – a voluntary personal pension plan, and Pillar 4 – informal support from family and social networks.

PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

Memandangkan peranannya yang begitu penting dalam menjaga kesejahteraan pesara Malaysia, KWSP memberi keutamaan dalam memastikan pelaburannya dibuat dengan teliti untuk melindungi simpanan ahli di samping memberikan pulangan yang munasabah. Justeru, sebahagian besar daripada aset KWSP disalurkan ke dalam instrumen pelaburan yang selamat seperti bon dan sekuriti kerajaan.

Pada peringkat awal penubuhannya, KWSP dapat menyalurkan kesemua asetnya ke dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, Pinjaman dan Bon, Ekuiti, Instrumen Pasaran Wang dan Hartanah. Dengan berbuat demikian, ia membantu membiayai sebilangan besar projek kerajaan dan juga swasta yang menyumbang kepada pembangunan negara. Terbaru, KWSP perlu meneroka pilihan pelaburan yang lebih sesuai di luar negara, kerana pertumbuhan aset KWSP kini mengatasi perkembangan pasaran modal dan wang tempatan.

Selain memenuhi keperluan persaraan rakyat Malaysia, KWSP juga membenarkan ahlinya mengeluarkan simpanan mereka bagi membiayai keperluan pendidikan dan penjagaan kesihatan termasuk memiliki rumah, kerana ini semua akan meningkatkan nilai kehidupan mereka selepas persaraan.

Dalam usaha menjalankan peranan keselamatan sosialnya, KWSP juga memainkan peranannya sebagai penguatkuasa, untuk memastikan 517,062 majikan yang berdaftar dengan KWSP setakat 31 Disember 2013 menunaikan tanggungjawab mencarum untuk simpanan persaraan pekerja mereka. Pasukan penguatkuasa KWSP membuat pemeriksaan rutin di premis majikan di seluruh negara dan menyiasat aduan mengenai majikan yang tidak mencarum yang diterima daripada pekerja.

Given its pivotal role of safeguarding the well-being of Malaysian retirees, the EPF places highest priority in ensuring that its investments are judicious and protects the value of members' savings while providing reasonable returns. Hence, the bulk of the Fund's assets are channelled into safe investment instruments such as government bonds and securities.

In its initial years, the EPF was able to park all of its assets locally in Malaysian Government Securities, Loans and Bonds, Equities, Money Market Instruments and Property. In so doing, it served to help finance a large number of major government as well as private sector projects that have contributed towards shaping the nation's development. More recently, it has had to look at suitable investment options internationally, as the local capital and money markets have not kept pace with the growth of the EPF's assets.

Other than providing for the retirement needs of Malaysians, the EPF also allows members to withdraw from their savings to fund their educational and health needs as well as to help secure a home as these would enhance the value of their post-retirement life.

To carry out its social security role to the best of its ability, the EPF also takes on the role of a watchdog, ensuring the 517,062 employers registered with the Fund as at 31 December 2013 fulfil their responsibility of contributing towards their employees' savings. The Fund's enforcement team routinely carries out checks at work premises throughout the country and follows up on reports of evasion submitted by employees.

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

Pada masa yang sama, KWSP berusaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai keperluan persaraan mereka dan menjalankan kempen pendidikan melalui media cetak dan elektronik dengan menekankan kepentingan membuat perancangan persaraan bagi memastikan mereka mempunyai jaminan asas kewangan yang mencukupi untuk persaraan. Usaha berterusan KWSP dalam meningkatkan celik kewangan di negara ini tidak hanya disasarkan kepada ahli sahaja menerusi kempen pendidikan yang dijalankan tetapi KWSP juga berhasrat agar dapat memberi inspirasi kepada majikan untuk menjelaskan konsep simpanan di tempat kerja di samping mempengaruhi pembuat dasar agar memberikan lebih tumpuan pendidikan kewangan demi negara.

Selain menjaga kepentingan dan memenuhi keperluan persaraan ahli, KWSP komited untuk memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan telah mengguna pakai teknologi terkini untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pelanggannya. KWSP meletakkan tanda aras prestasinya berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan didorong oleh visinya untuk 'menjadi organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan yang terbaik bagi rakyat Malaysia'. Untuk itu, KWSP sentiasa mempelopori inovasi bagi memenuhi keperluan semasa dan masa depan ahlinya.

At the same time, the EPF seeks to ensure that Malaysians are aware of their retirement needs and carries out educational campaigns via the print and electronic media to highlight the importance of prudent financial planning to ensure financial security in one's golden years. In its ongoing efforts to increase financial literacy in the country, the organisation does not only target its members in its educational campaigns but also seeks to inspire employers to reinforce the concept of saving in the workplace while influencing policy makers to focus more intently on financial education for the nation.

Over and above serving the retirement needs of its members, the EPF is committed to a high standard of service delivery and has adopted the latest technologies to improve its customer experience. The EPF benchmarks its performance against international best practices and is driven by a vision to 'be a world-class social security organisation providing the best retirement savings for Malaysians'. Towards this end, it is constantly innovating to meet both its members' current as well as future needs.



NILAI KORPORAT

Dalam usaha memastikan KWSP melaksanakan mandat yang diamanahkan dengan sebaik mungkin, kami komited untuk mengekalkan tahap integriti korporat dan profesionalisme yang tinggi pada setiap masa. Etos ini terkandung dalam nilai korporat KWSP yang ditanam dalam budaya, sikap, standard dan kepercayaan yang kemudian diamalkan dan dihayati oleh setiap anggota KWSP.



Nilai korporat KWSP menjelaskan ciri-ciri kami:

Mengutamakan Pelanggan

KWSP memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada ahli melalui pelbagai saluran seperti kiosk, telefon, bersemuka, secara dalam talian, emel atau surat sentiasa dalam tahap cemerlang. Kami berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan konsisten kepada ahli.

Penambahbaikan Berterusan

KWSP menggalakkan semua anggotanya agar sentiasa kreatif dalam melaksanakan tugas bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dapat diberikan kepada ahli dan memberikan penekanan terhadap kecemerlangan kerana ia akan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif di mana anggota komited melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cekap dan berkesan. KWSP juga berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota serta menggunakan teknologi terkini untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Integriti

Integriti didefinisikan sebagai jujur, amanah, adil dan bertanggungjawab terhadap sesuatu tugas. Setiap anggota KWSP perlu memastikan tiada penyelewengan dalam tugas mereka dari segi masa, kuasa, wang, peralatan dan tenaga kerja.

Semangat Kerja Berpasukan

Kami percaya semangat kerja berpasukan adalah lebih baik daripada bekerja secara individu kerana ia memberikan hasil yang lebih cepat, mudah dan lebih berkualiti kerana tugas dilaksanakan melalui idea dan pendapat secara kolektif. Kecemerlangan organisasi tidak bergantung kepada kecekapan segelintir anggota sahaja sebaliknya memerlukan semua anggota berganding bahu dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Semua aktiviti yang dijalankan dalam memastikan anggota menghayati nilai-nilai korporat dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada budaya seharian (contohnya, Majlis Bersama Jabatan, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan Coffee Talks dengan Pengurusan Atasan serta kempen "I L.O.V.E (Living Our Values Everyday) EPF" yang dilancarkan pada 1 Oktober 2013) disasarkan untuk meningkatkan kredibiliti KWSP serta kepercayaan dan keyakinan ahli kami. Di samping itu, menjadi harapan kami agar aktiviti-aktiviti ini akan melahirkan perasaan bangga dan sayang anggota terhadap KWSP dan akan melindungi reputasi baik dan kedudukan KWSP di kalangan pemegang kepentingan kami.



CORPORATE VALUES



In order to ensure the EPF carries out the mandate entrusted to the best of our abilities, we are committed to maintain a high level of corporate integrity and professionalism at all times. This ethos is encapsulated in the EPF corporate values which is manifested in our culture, attitudes, standards and beliefs that are embraced and practised by all EPF employees.

The **EPF corporate values** define the essence of who we are:

Customer Focused

The EPF ensures that services provided to our members via various channels, such as kiosks, telephone, face-to-face, online, email or traditional mail, are always excellent. We strive to provide our members with services that are friendly, fast, accurate and consistent.

Continuous Improvement

The EPF encourages all employees to always be creative when carrying out tasks to ensure that quality services can be provided to our members and gives emphasis to excellence as it will establish a conducive working environment in which employees will be committed to carry out their responsibilities effectively and efficiently. The EPF also strives to improve the knowledge and skills of our employees as well as to apply the latest technologies in order to provide services that are more effective and efficient.

Integrity

This is defined as being sincere, honest, fair and responsible to a particular task. All EPF employees have to ensure there is no misappropriation in their work in terms of time, authority, money, equipment and staff strength.

Teamwork


We believe that teamwork is better than working individually as it produces faster, easier and high quality results borne through collective ideas and opinions. Organisational excellence does not rely solely on the expertise of a few employees but requires all employees to work together in carrying out tasks with distinction.

All activities conducted in ensuring our employees live our values and making it a part of our day-to-day culture (e.g. the Interim Joint Council Meetings, Safety and Health Meetings and Coffee Talks with Higher Management and the **"I L.O.V.E (Living Our Values Everyday) EPF"** campaign launched on 1 October 2013) are targeted to raise our credibility, trust and confidence of our members. In addition, it is the hope that these activities will also engender true feelings of pride and love in our employees towards the EPF and will safeguard our good reputation and standing among our stakeholders.




CARTA ORGANISASI


ORGANISATION CHART



- Jabatan Pusat Pengurusan Perhubungan
Contact Management Centre Department
- Jabatan Caruman
Contribution Department
- Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan
Registration & Support Operations Department
- Jabatan Pengurusan Harta
Property Management Department
- Jabatan Pematuhan Pelaburan
Investment Compliance Department
- Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan
Operations Transformation & Coordination Department
- Jabatan Rangkaian Perkhidmatan
Network Service Department
- Jabatan Penguatkuasaan
Enforcement Department
- Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran
Withdrawal Operation Management Department
- Jabatan Undang-undang
Legal Department
- Cawangan KWSP
EPF Branches




- Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan
Procurement Management Department
- Jabatan Penyelidikan Ekuiti
Equity Research Department
- Jabatan Pasaran Modal
Capital Market Department
- Jabatan Pasaran Persendirian
Private Markets Department
- Jabatan Ekuiti Domestik
Domestic Equity Department
- Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi
Quantitative & Performance Analysis Department
- Jabatan Perbendaharaan
Treasury Department
- Jabatan Ekuiti Luar Negara
International Equity Department
- Jabatan Ekonomi & Pasaran Modal
Economics & Capital Market Department




STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN SETAKAT 31 DISEMBER 2013

GROUP CORPORATE STRUCTURE AS AT 31 DECEMBER 2013



Nota/Note:

- Syarikat yang tidak ditunjukkan adalah di bawah proses pembubaran
Company not disclosed is under liquidation process.
- Rujuk Nota 43 dan 44 kepada Penyata Kewangan KWSP 2013 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari dan bersekutu KWSP
Refer to Note 43 and 44 to the EPF Financial Statement 2013 for the complete list of EPF subsidiaries and associates.



PERISTIWA PENTING

MILESTONES

1951

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.
- *The Employees Provident Fund (EPF) is set up under the EPF Ordinance 1951, and placed under the National Director of Posts.*

1952

- KWSP mempunyai 518,948 ahli dan 11,918 majikan berdaftar dalam rangkaianannya. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.
- *The EPF has 518,948 members and 11,918 registered employers in its network. A total of RM2.6 million collected in contributions.*

1956

- KWSP melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.
- *The EPF makes its first short and long-term investments in Federation, Singapore and Municipal Government securities.*

1958

- Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.
- *The EPF Board takes over the administration of the EPF from the National Director of Posts.*

1960

- Bangunan Ibu Pejabat KWSP di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.
- *The EPF officially opens its new headquarters in Petaling Jaya, Selangor, in November.*

1961

- Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.
- *Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais appointed as the EPF's first Malaysian Chairman.*

1963

- Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja.
- *The EPF Ordinance amended to cover employers who employ at least three persons, as opposed to five or more persons.*

1967

- Pemprosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.
- *Automated data processing introduced with the installation of a mainframe computer.*

1968

- Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.
- *The EPF Ordinance amended to provide for the withdrawal of one-third of a member's savings upon reaching the age of 50 to assist in purchasing a house and preparing for retirement.*

1969

- Liputan KWSP diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.
- *The EPF extends coverage to include Sabah and Sarawak.*

1970

- Saiz aset KWSP meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan ahli hampir dua juta orang.
- *The EPF's asset size grows to RM2.1 billion, while membership nears two million.*

1975

- Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP mempunyai 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.
- *The contribution rates increased to 6% for employees and 7% for employers. By now, the EPF has 2.6 million members and 75,000 registered employers.*

1977

- Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk: 1) Meningkatkan kadar caruman pekerja, 2) Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP, 3) Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.
- *The EPF Ordinance amended to: 1) Increase employees' contribution rate; 2) Allow the self-employed the option to contribute to the Fund; and 3) Allow members to withdraw up to 10% of the purchase price of a low-cost house from their savings.*

1980

- Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.
- *Membership increases to 3.7 million with close to 110,000 registered employers, while contributions for the year surpass the RM1 billion mark. The employees contribution rate raised from 6% to 9% and employers' rate from 7% to 11% effective 1 December.*

1981

- KWSP menyambut ulangtahun ke-30, Menteri Kewangan, YBM Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan batu asas bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
- *To mark the EPF's 30th anniversary, Minister of Finance Tengku Razaleigh Hamzah lays the foundation stone for a new 28-storey EPF building in Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.*

1982

- Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.
- *On 22 July, the EPF Ordinance 1951 becomes the EPF Act 1951.*

1983

- KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.
- *The EPF declares its highest dividend rate of 8.5%, which it maintains until 1987.*

1990

- Untuk pertama kalinya, KWSP melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolionya.
- *The EPF invests significantly in corporate bonds for the first time and increases the number of its portfolio managers.*

1991

- KWSP menyambut ulang tahun ke-40 dan menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) dengan Akta KWSP 1991, yang meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambahbaik skim-skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.
- *The EPF celebrates 40th anniversary and the EPF Act 1951 (Amended 1982) is replaced with the EPF Act 1991, which liberalises investment regulations and enhances the withdrawal schemes while facilitating enforcement.*

1993

- Buat pertama kalinya KWSP telah terlibat dalam pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif penswastaaan kerajaan.
- *The Fund enters into project financing and joint ventures for the first time, in line with the government's privatisation agenda.*

1995

- KWSP memperkenalkan Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KWSP dan organisasi-organisasi keselamatan sosial yang lain.
- *The EPF introduces the first Social Security Course in the country, attended by its officers as well as those from other social security organisations.*

1996

- KWSP melancarkan Skim Pelaburan Ahli, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.
- *The EPF launches the Members' Investment Scheme, allowing members with more than RM55,000 in their Account 1 to invest in unit trusts through approved Fund Management Institutions (FMIs) appointed by the Ministry of Finance.*

PERISTIWA PENTING MILESTONES

1997

- Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di Bangi, Selangor dimulakan.
- *Construction begins at the EPF Social Security Training Institute (ESSET) in Bangi, Selangor.*

1999

- Jabatan Komputer KWSP memastikan sistem komputer KWSP patuh Y2K.
- *The EPF's Computer Department ensures the Fund's computer system is Y2K compliant.*

2000

- KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.
- *The EPF introduces the Education Withdrawal Scheme and the Pensionable Employees Withdrawal Scheme.*

2001

- Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.
- *Membership grows to 10 million and total assets to RM186 billion. In April, Tan Sri Azlan Zainol appointed as Chief Executive Officer of the EPF.*

2003

- KWSP menubuhkan Pusat Pengurusan Panggilan Telefon (CMC) dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (one-stop centre) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
- *The EPF establishes a Call Management Centre (CMC), and sets up a one-stop customer service centre in the Federal Territory state office in Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.*
- Projek Rekayasa Semula Proses Perniagaan (BPR) atau dikenali sebagai SERVE (Service Excellence) untuk mereka bentuk dan memperkemaskan proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.
- *A high-level Business Process Reengineering (BPR) project, known internally as SERVE (Service Excellence), is initiated to redesign and streamline the Fund's work processes and IT systems through the replacement of the main frame legacy system.*

2004

- KWSP memperkenalkan sistem pengurusan Balanced Scorecard (BSC) sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.
- *The EPF introduces the Balanced ScoreCard (BSC) management system as part of its strategy to become a world-class social security organisation and top government agency in Malaysia.*
- e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.
- *The e-Kiosk, which allows members to retrieve their statement of accounts using their MyKad, is set up at 13 state and 28 branch offices nationwide.*

2007

- KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.
- *The EPF introduces Beyond Savings, which restructures members' accounts from three to two; introduces the Flexible Age 55 Withdrawal scheme; and allows members with savings in excess of RM1 million to manage their savings on their own.*

2008

- Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. KWSP juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.
- *Effective 1 February, the liability period for EPF contributions extended from age 55 to age 75. The Fund also sets Basic Savings targets for different age levels to help members accumulate at least RM120,000 by age 55.*
- KWSP menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.
- *The EPF establishes the nation's first Social Security Endowed Chair at the University of Malaya.*
- KWSP dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi Sistem Pengurusan Kualiti.
- *The EPF awarded the MS ISO 9001:2000 certification for its Quality Management Systems.*

PERISTIWA PENTING MILESTONES

- KWSP menerima Anugerah Ketua Setiausaha Negara dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri.
- *The EPF receives the Chief Secretary to the Government Award under the Prime Minister's Quality Awards.*
- KWSP membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan keselamatan sosial agensi-agensi berkaitan di kalangan negara ASEAN.
- *The EPF establishes the International Social Security Association (ISSA) Sub-Regional Office for ASEAN countries in Kuala Lumpur to enhance cooperation among social security organisations of ASEAN members in the area of social security development.*

2009

- KWSP perkenal Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.
- *The EPF introduces Anti-Fraud and Whistleblowing Policies.*
- KWSP dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
- *The EPF is awarded a Five-Star Rating by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).*

2010

- KWSP lancar Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan termasuk untuk suri rumah.
- *The EPF launches the 1Malaysia Retirement Savings Scheme for the self-employed, and the service is later extended to include housewives.*
- KWSP memperkenalkan sistem elektronik-Pilihan Pelaburan Ahli (ePPA) yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam saham amanah.
- *The EPF introduces the elektronik-Pilihan Pelaburan Ahli (ePPA) system to replace the manual system of withdrawal applications by members for investment in unit trusts.*

2011

- KWSP perluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55, dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuatkuasa 15 Julai 2011.
- *The EPF extends its list of critical illnesses under the Health Withdrawal from 39 illnesses to 55, and permits members to purchase medical support equipment effective 15 July 2011.*

2012

- KWSP buat kali kedua menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan terbaik yang dianugerahkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
- *The EPF awarded a Five-Star Excellence Ranking as a top front-line agency by MAMPU for the second time.*
- Setakat 31 Disember 2012, aset pelaburan KWSP berada pada RM526.75 bilion, sementara keahlian meningkat kepada 13,585,007 juta dan jumlah majikan berdaftar mencecah 502,863.
- *As at 31 December 2012, the EPF's investment asset stands at RM526.75 billion while membership increases to 13,585,007 and the number of registered employers reaches 502,863.*

2013

- Pada April, Datuk Shahril Ridza Ridzuan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.
- *In April, Chief Executive Officer Datuk Shahril Ridza Ridzuan appointed as head of the EPF.*
- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara online yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web myEPF (www.kwsp.gov.my). Tiga perkhidmatan utama yang disediakan melalui e-Caruman iaitu membuat bayaran dengan Borang A, serahan Borang A sahaja dan membuat bayaran sahaja.
- *The EPF introduces e-Caruman, an online facility that allows employers to remit their contributions through i-Akaun on the myEPF website (www.kwsp.gov.my). Three main services are provided through e-Caruman, namely remittance of payment with Form A, submission of Form A only and remittance of payment only.*
- e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara online menerusi i-Akaun. Buat permulaan ahli hanya boleh memohon untuk Pengeluaran Mengurang/ Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan dan Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan.
- *e-Pengeluaran is introduced, allowing EPF members to submit withdrawal applications online through their i-Akaun. As a first step, members are allowed to apply for Withdrawals to Reduce/Redeem Housing Loans and Housing Loan Monthly Instalments.*